

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

SOALAN


Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan statistik penumpang (*ridership*) pengangkutan awam di bawah rangkaian perkhidmatan Rapid Rail dan Rapid Bus di Lembah Kelang secara terperinci dari Jan 2020 hingga Jun 2020 berbanding dengan tahun 2019 dan 2018 termasuk bilangan pengguna yang melangani pas pengangkutan awam bulanan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhan, untuk rangkaian perkhidmatan Rapid Rail, berikut adalah perbandingan statistik penumpang bagi tahun 2018 sehingga 2020 untuk tempoh Januari 2020 sehingga Jun 2020 adalah seperti berikut:


Tahun (Rel)	Statistik Penumpang	% Peningkatan / Penurunan
2018	102,528,048	
2019	112,729,823	10% (2018 berbanding 2019)
2020	63,239,143	-44% (2019 berbanding 2020)



2. Berdasarkan carta tersebut, untuk Januari dan Februari, tahun 2020 mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2018 dan 2019. Tetapi, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, penurunan ketara dapat dilihat terutamanya untuk jumlah penumpang bulan April 2020 dan Mei 2020. Walau bagaimanapun, semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun 2020, jumlah penumpang sedang meningkat secara beransur-ansur sehingga 40%-50% daripada jumlah penumpang harian sebelum PKP.

3. Untuk rangkaian perkhidmatan Rapid Bus di Lembah Klang (RapidKL, BRT dan MRT sahaja), berikut adalah statistik penumpang bagi tahun 2018 sehingga 2020 untuk tempoh Januari sehingga Jun:

Tahun (Bas)	Statistik penumpang	% Peningkatan / Penurunan
2018	73,903,950	
2019	66,137,350	-11% (2018 berbanding 2019)
2020	33,552,473	-49% (2019 berbanding 2020)



4. Rapid Bus mempunyai banyak laluan di mana laluan tersebut adalah sama seperti jajaran LRT. Sejak Kerajaan telah memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah RapidKL pada Disember 2018, disebabkan itu terdapat penurunan penumpang bagi perkhidmatan Rapid Bus memandangkan pengguna/penumpang telah memilih untuk menaiki perkhidmatan rel memandangkan kos menaiki perkhidmatan rel lebih murah dengan menggunakan pas Bulanan Tanpa Had ini.

5. Statistik penumpang rel sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, penurunan ketara dapat dilihat terutamanya untuk jumlah penumpang bulan April dan Mei. Selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun, jumlah penumpang sedang meningkat secara beransur-ansur sehingga 40-50% daripada jumlah penumpang harian sebelum PKP.

6. Sejak pengenalan pas MY100 pada Disember 2018, sehingga 14 Jun 2020, statistik penjualan pas MY100 adalah sebanyak 1.52 juta manakala pas MY50 merekodkan penjualan sebanyak 42,992. Pada dua bulan pertama tahun 2020 sebelum pandemik COVID-19, Prasarana mencatatkan penjualan pas MY100 sebanyak 108,000 secara purata bulanan.

7. Sejak Kerajaan memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had MY30 bermula 15 Jun 2020 sehingga 5 Julai 2020, Prasarana merekodkan penjualan pas sebanyak 98,347 dalam masa 21 hari. Pencapaian positif ini menunjukkan rakyat Malaysia menerima inisiatif ini dengan baik. Sekian, terima kasih.